

Tajuk : Cipta Lagu Tengah Malam – Album Iban Genggam Jariku

Diumum Album Terbaik Anugerah Muzik Dayak 2012

# Cipta lagu tengah malam

## Album Iban Genggam Jariku diumum album terbaik Anugerah Muzik Dayak 2012

### 5 SOALAN

**A**LBUM Genggam Jariku yang lagunya dicipta artis baru dalam industri muzik Dayak, Gabriel Fairuz Louis, 27, (**gambar**) diumumkan album terbaik Anugerah Muzik Dayak 2012.

Ikuti Lima Soalan yang dikemukakan kepada Gabriel sempena kejayaannya itu.



**Bila anda mula membabitkan diri dalam penciptaan lagu Iban?**

Kebiasaannya saya mencipta lagu Iban ketika waktu tengah malam kerana masa itu sunyi sebelum tidur dengan merekodkan korusnya sedikit demi sedikit dalam telefon bimbit apabila mendapat ilham.

**Apakah kelainan album Genggam Jariku yang berjaya menarik perhatian?**

Ini mungkin kerana lagu

album Genggam Jariku banyak berentak pop balad dan R&B yang masih jarang dikeluarkan dalam pasaran industri muzik Dayak. Malahan, saya menggunakan khidmat sepenuhnya pemuzik dari United Kingdom, Chris Survey bagi membuat susunan muzik album.

**Apakah perancangan seterusnya bagi terus memajukan diri sebagai artis Dayak?**

Saya merancang menghasilkan lagu Genggam Jariku

dalam versi bahasa Melayu dan sekiranya berpeluang mahu mengembangkan bakat di Semenanjung.

**Apakah cabaran anda dalam meneruskan kerjaya bidang seni ini?**

Saya kini bekerja di Singapura dan pembabitan dalam industri muzik Dayak tidak menjadi masalah atau mengganggu prestasi kerja. Ini kerana kebiasaannya saya menerima jemputan mengadakan pertunjukan pentas pada

hujung minggu yang membolehkan saya pulang sekejap ke negeri ini.

**Apakah sasaran anda seterusnya?**

Ketika ini banyak terdapat banyak ruang lain juga bagi artis Dayak baru mempromosikan album mereka, malahan saya pernah diberikan peluang pihak TV Astro bagi rancangan Studio R, yang penting artis baru Dayak mesti pandai mencari peluang.